

TPPA: Hubungan dagang Malaysia tidak terjejas

UM 24/1

ALOR SETAR 23 Jan. - Malaysia tidak mempunyai sebab untuk berasa panik sekiranya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tidak menjadi kenyataan kerana beberapa perancangan sudah pun dibuat bagi memastikan hubungan perdagangan dengan 11 negara terlibat terus diperkukuh.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan berkata, beliau tidak mahu ada pihak yang menganggap kegagalan TPPA bakal menjadi penanda aras kepada berakhirnya hubungan perdagangan dengan negara-negara itu yang mempunyai potensi besar untuk diterokai usahawan tempatan.

“Sambil memperkukuhkan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dengan ahli Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) sedia ada, kerajaan juga akan berusaha untuk mengadakan FTA bersama empat negara yang belum lagi kita jalinkan hubungan iaitu Mexico, Peru, Kanada dan



AHMAD MASLAN membantu beberapa pekerja membungkus mi sanggul ketika melawat Kilang Zinon Food Industry Sdn. Bhd. di Alor Setar, Kedah, semalam. - UTUSAN/SAFRIZAL AZMI

Amerika Syarikat (AS).

“Rundingan selama lima tahun mengenai TPPA membuatkan Malaysia dan negara-negara terlibat menjadi lebih akrab. Jadi jika kita perlu berbincang mengenai FTA dengan keempat-empat ne-

gara itu, saya fikir kita tak perlu bermula semula dari peringkat yang paling awal,” katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja ke Zinon Food Industry Sdn. Bhd. di Jalan Hutan Kampung di sini hari ini.